

07 FEB 2001

Thaipusam-MIC

MIC MOHON KEBENARAN NEGERI-NEGERI ISYTIHAR THAIPUSAM, CUTI UMUM

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- MIC akan meminta kerjasama negeri-negeri supaya mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti umum sebelum meminta Kuala Lumpur berbuat demikian.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau telah mendapatkan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya dan Dr Mahathir bersetuju supaya parti itu meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri terlebih dahulu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas berucap kepada orang ramai yang menyambut Thaipusam di Batu Caves di sini hari ini, Samy Vellu berkata MIC sedang memohon kepada kerajaan Melaka dan ia juga telah memulakan perbincangan dengan Pahang supaya Thaipusam menjadi cuti umum di kedua-dua negeri itu.

"Kami sedang pergi dari negeri ke negeri sebelum meminta kerajaan persekutuan mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti umum di Kuala Lumpur," katanya.

Thaipusam merupakan cuti umum di lima negeri buat masa ini -- Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Perak.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, turut melancarkan Tabung Bencana Gujarat di sini.

Tabung itu, yang dimulakan oleh Samy Vellu dan dianjurkan bersama sebuah akhbar Tamil minggu lepas, setakat ini mengutip RM530,000 dan berharap mencapai sasaran RM2 juta menjelang berakhirnya kempen itu pada 31 Mac.

Tabung itu akan membantu mangsa gempa bumi di Gujarat, di barat India, yang musnah dilanda gempa bumi pada 26 Jan dan membunuh kira-kira 16,000 orang.

Terdahulu dalam ucapan ringkasnya, Samy Vellu menggesa penganut Hindu supaya mendoakan perpaduan di kalangan semua kaum di negara ini bagi memastikan kestabilan ekonomi dan politik terpelihara.

Pengerusi Kuil Sri Subramaniam Swamy, R. Nadarajah, kemudian menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,001 kepada Samy Vellu untuk tabung itu.

Antara orang kenamaan yang menghadiri majlis itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia, Dayachandra Yasasiri Liyanage dan Pesuruhjaya Tinggi India Veena Sikri.

-- BERNAMA

DC ZS RON